

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 FEB 2015

4 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • JUMAAT 13 FEBRUARI 2015

BELASUNGKAWA: DATUK NIK ABDUL AZIZ NIK MAT (1931-2015)

Perginya seorang tok guru

Um - 13/2/2015

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
zulkifleebakar@gmail.com

PADA 25 Januari 2014, seluruh pemimpin, ahli dan penyokong Pas diselubungi kesedihan apabila tokoh paling lantang mempertahankan kepimpinan ulama dan perjuangan Islam parti itu, Allahyarham Datuk Harun Taib menghembuskan nafas terakhir akibat kegagalan fungsi organ dalam disebabkan penyakit kencing manis di Kuala Terengganu.

Kini setahun berlalu, kesedihan sekali lagi menyelubungi mereka apabila Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kembali ke rahmatullah di kediaman di Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan. Pemergian Allahyarham adalah suatu kehilangan besar kepada parti tersebut.

Nik Abdul Aziz dianggap tokoh paling berpengaruh pernah dilahirkan oleh Pas. Ketokohan beliau sama ada sebagai ulama mahupun semasa menjadi Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun cukup dihormati oleh sesiapa sahaja.

Walaupun sering kali dilihat mengeluarkan kenyataan kontroversi khususnya melibatkan soal politik dengan UMNO, namun ketegasan Allahyarham dalam memperjuangkan Islam tidak boleh dinafikan. Ketegasan itulah yang memungkinkan Allahyarham dihormati kawan dan lawan politiknya.

Selain itu, Nik Abdul Aziz dianggap pemimpin paling sederhana dalam kehidupan biarpun menjadi Menteri Besar selama 23 tahun. Allahyarham juga sentiasa mesra dengan sesiapa biarpun orang yang ditemuinya itu berbeza fahaman politik atau pendirian dengan beliau.

Penulis masih ingat dalam pertemuan pertama dengan Allahyarham selepas Pilihan Raya Umum 1995, Nik Abdul Aziz agak tidak berpuas hati dengan artikel-artikel penulis, namun Allahyarham tetap menyambut penulis dengan mesra.

Allahyarham memperjelaskan satu demi satu mengenai perjuangan Islam Pas dan menerangkan kedudukan sebenar bagaimana



DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri melawat Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dimasukkan ke Unit Rawatan Koronari, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan pada 23 Julai 2004. Turut hadir isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (belakang, tiga kanan). - BERNAMA

krisis dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) berlaku sehingga menjejaskan peluang Pas untuk memenangi lebih banyak kerusi dalam pilihan raya tersebut.

Apapun, bagi pemimpin, ahli dan penyokong Pas, Nik Abdul Aziz adalah tokoh dan idola mereka. Allahyarham merupakan satu-satunya pemimpin parti itu yang wajahnya dijadikan pelekat kereta.

Segala-galanya kerana sikap kepimpinan dan kehidupan Nik Abdul Aziz yang mungkin tidak ada kepada pemimpin politik lain. Allahyarham yang sentiasa berjujukan dan berserban serta hidup dalam serba sederhana.

Pada setiap hari Jumaat, insan berusia 84 tahun itu menjadi tumpuan di Jalan Dato' Pati, Kota Bharu kerana di situlah terle-

mula menceburi dalam bidang politik apabila menyertai Pas pada tahun 1967.

Dua tahun kemudian berikutan kematian Ahli Parlimen Kelantan Hilir (kini Pengkalan Chepa), Ahmad Abdullah, Allahyarham Nik Abdul Aziz dicalonkan oleh Pas bagi mempertahankan kerusi itu. Allahyarham menjadi Ahli Parlimen kawasan berkenaan selama tiga penggal, sebelum bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri DUN Chempaka pada 1990 dan seterusnya menjadi Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun.

Sejak memegang jawatan itu dan dilantik pula sebagai Mursyidul Am bagi menggantikan Allahyarham Datuk Yusuf Rawa, kewibawaan Nik Abdul Aziz semakin terserlah. Allahyarham

memperkenalkan pelbagai langkah dalam pentadbiran kerajaan negeri dalam usaha menjadikan Kelantan negeri Islam contoh. Ketokohan Allahyarham dalam memimpin Pas Kelantan telah menyebabkan banyak pihak melihat kekuatan Pas negeri bergantung kepada Nik Abdul Aziz. Malah dalam Pas pula, Nik Abdul Aziz dilihat jauh lebih berpengaruh berbanding pemimpin-pemimpin lain.

Keadaan itu menyebabkan Nik Abdul Aziz menjadi salah satu tokoh yang cukup dihormati dalam pakatan pembangkang. Biarpun kadang kala hujah Allahyarham tidak disenangi oleh sesetengah pihak, namun Allahyarham bukanlah melontarkan pandangannya secara membuta tuli sebaliknya berdasarkan kepada al-Quran dan hadis.

Biarpun dilihat tegas mempertahankan kerjasama dalam pakatan pembangkang, namun Nik Abdul Aziz sentiasa mempertahankan kewibawaan Pas termasuklah pemimpinnya.

Satu ketika beliau pernah menegur sikap sesetengah pemimpin pembangkang yang mempertikaikan pendirian Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam isu perebutan jawatan Menteri Besar Selangor yang dicituskan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Sememangnya pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan besar kepada Pas kerana tidak mungkin selepas ini parti itu mampu melahirkan seorang ulama, tok guru dan ahli politik yang cukup berpengaruh seperti Allahyarham.

Sesungguhnya Nik Abdul Aziz adalah satu susuk tubuh yang cukup 'unik' dalam politik Pas dan pembangunan Islam di Kelantan. Inilah fakta yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun.

Sudah pasti ketiadaan Allahyarham akan dirasai bukan sahaja oleh pemimpin, ahli dan penyokong Pas tetapi juga umat Islam yang lain.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama dengan orang beriman. Al-Fatihah.

semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama dengan orang beriman. Al-Fatihah.

info

BIODATA

Tahun Lahir:
10 Januari 1931

Tempat Lahir:
Pulau Melaka, Kelantan.

Status:
> Berkahwin dengan Tuan Sabariah Tuan Ishak dan memperoleh 10 cahaya mata (lima lelaki dan lima perempuan).

Pendidikan:
> Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat (3 Bulan) - 1936.
> Sekolah Pondok Tok Kenali Kubang Kerian.
> Sekolah Pondok Tok Guru Haji Abbas Besut, Terengganu.
> Universiti Deobond, India - 1952.
> Lahore, Pakistan - Ilmu Tafsir Quran - 1957.
> Universiti Al-Azhar, Mesir - Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab.
> Universiti Al-Azhar, Mesir - Sarjana Perundangan Islam.

Penguasaan Bahasa:
> Melayu, Inggeris, Tamil, Urdu dan Arab

Pekerjaan:
> Guru Sekolah Menengah Agama Tarbiyyah Mardiah, Panchor.
> Guru Sekolah Menengah Agama Darul Anwar, Pulau Melaka.
> Penyelia Kelas Dewasa - KEMAS.
> Guru Sekolah Menengah Maahad Muhammadiyah, Kota Bharu.

Politik:
> 1967 - Daftar sebagai ahli Pas.
> 1967-1969 - Pilihan Raya Kecil - Ahli Parlimen Kelantan Hilir.
> 1969-1974 - Ahli Parlimen Kelantan Hilir.
> 1974-1978 - Ahli Parlimen Kelantan Hilir. (ditukar kepada Parlimen Pengkalan Chepa).
> 1978-1982 - Ahli Parlimen Pengkalan Chepa.
> 1982-1986 - Ahli Parlimen Pengkalan Chepa.
> 1986-1990 - Ahli Dewan Undangan Negeri Semut Api Kelantan.
> 1990-2013 - Menteri Besar Kelantan.

NOTA: Sumber daripada blog Nik Abdul Aziz